

10 OCT 1997

MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI SOKONG DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 10 Okt (Bernama) -- Majlis Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri semalam membuat satu deklarası berpendirian teguh menyokong dan tetap berada di belakang kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani segala masalah yang melanda negara sekarang.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata deklarası itu dibuat sebaik sahaja mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri itu bermula.

"Kami yakin dan percaya kepada Dr Mahathir bahawa di bawah kepimpinannya, segala masalah negara dan krisis matawang dapat diatasi dengan berkesan," katanya kepada pemberita semasa menunggu ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, di sini hari ini.

Wan Mokhtar yang juga pengerusi Majlis Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri berkata mereka juga menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang Dr Mahathir di atas apa juga tindakan dan langkah yang diambil dalam menangani masalah itu, kerana mesej yang dibawanya begitu jelas untuk membawa keamanan dunia.

Beliau berkata mereka juga akan berusaha dan mengambil langkah yang perlu bagi memastikan sebarang usaha untuk memecahkan kepimpinan tertinggi negara, iaitu antara Dr Mahathir dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim ditangani dengan segera.

Pada mesyuarat itu semua Menteri Besar dan Ketua Menteri hadir dan surat sokongan itu diserahkan kepada Dr Mahathir oleh Wan Mokhtar pada majlis Sambutan Sokongan Pemimpin dan Rakyat Terengganu di sini hari ini.

-- BERNAMA

SBS RI